

Ciri Skim Persaraan Swasta

B/H 19/7/12
MS 12

» Sedia fleksibiliti, kawal simpanan


- Dibentuk bagi menyediakan pilihan dan fleksibiliti

- Mengalakkan ahli untuk mengawal simpanan persaraan mereka
- SPS ditakrifkan sebagai skim caruman dengan faedah kepada ahli ditentukan daripada jumlah caruman serta pulangan pelaburannya selepas itu. Matlamat adalah untuk menjadikan simpanan ahli berkembang untuk jangka masa panjang.
- Ahli mempunyai pilihan untuk mencarum kepada satu atau lebih dana di bawah SPS yang ditawarkan oleh pelbagai


penyedia SPS.

- Skim ini adalah sukarela, tiada jumlah ditetapkan atau selang tetap untuk membuat caruman kepada SPS.
- Pilihan yang sudah ditetapkan juga tersedia kepada ahli yang memilih penyedia SPS tetapi tidak menetapkan dana pilihan. Pilihan tetap ini memenuhi keperluan kumpulan yang berbeza. Penyedia SPS perlu memastikan bahawa ahli berkaitan ditukarkan kepada pilihan dana yang ditetapkan mengikut kumpulan umur seperti berikut (**grafik bawah**):

Kerangka Kerja Aliran SPS




| | Dana Pertumbuhan | Dana Sederhana | Dana Konservatif |
|---------------|---|---|---|
| Kumpulan umur | 40 tahun ke bawah | 40 - 50 tahun | 50 tahun ke atas |
| Parameter | <p>Maksimum 70% akuiti</p> <ul style="list-style-type: none"> Pelabur luar Malaysia dibenarkan | <p>Maksimum 60% akuiti</p> <ul style="list-style-type: none"> Pelabur luar Malaysia dibenarkan | <p>80% debentur/ instrumen pendapatan tetap dengan 20% adalah instrumen pasaran wang dan maksimum 20% lagi dalam bentuk ekuiti</p> <ul style="list-style-type: none"> Pelabur luar Malaysia tidak dibenarkan |



- **Individu** - Ahli memilih penyedia SPS dan dana mengikut risiko dan profil pelaburan atau pilihan tetap untuk ahli yang memilih penyedia SPS mereka tetapi tidak menetapkan pilihan dana.
- **Majikan** - Majikan boleh menyalurkan caruman kepada penyedia SPS tertentu dengan pekerja memilih jenis dana yang ditawarkan oleh penyedia atau Majikan boleh menyalurkan caruman kepada penyedia SPS tertentu dan bila pekerja tidak memilih pilihan dana, caruman boleh disalurkan kepada pilihan tetap penyedia SPS.


- Ahli diberikan pilihan untuk menukar dana di antara SPS pada bila-bila masa atau menukar kepada penyedia SPS yang berbeza sekali setahun, tertakluk kepada syarat dikenakan penyedia SPS. Pemindahan pertama hanya boleh dipohon ahli setahun selepas caruman pertama kepada mana-mana dana di bawah skim itu.
- Semua caruman dibuat kepada SPS akan terpisah dan akan diuruskan dalam akaun A dan B seperti berikut (grafik bawah):



- Nilai akaun A dan B boleh bertambah atau berkurangan bergantung kepada harga semasa unit. Harga unit adalah nilai setiap unit yang dipegang ahli dari hari ke hari dan harga unit ditetapkan setiap hari
- Dalam memberikan keselesaan dan keberkesanan kepada

ahli Pentadbir Persaraan Swasta (PPA) tunggal dibentuk bagi memantau caruman SPS yang juga mengekalkan rekod semua transaksi berkaitan SPS yang dibuat ahli. Ia tidak berperanan mengurus dana atau menerima caruman tetapi memudahkan urusan dan arahan ahli.

- Pelabur individu hanya dibenarkan mempunyai satu akaun saja bagi membolehkan pengurusan yang lebih baik terhadap simpanan persaraan di mana maklumat daripada pelbagai sumber akan disatukan dalam satu akaun.
- Carta berikut menunjukkan contoh bagaimana caruman individu disalurkan kepada beberapa dana di bawah SPS yang ditawarkan pelbagai penyedia SPS (grafik kiri):



Insentif cukai disediakan baik kepada majikan mahupun pekerja dan individu untuk 10 tahun pertama bermula tahun taksiran 2012, dengan tambahan kepada tolakan cukai dibenarkan kepada caruman KWSP, iaitu:

- **Individu** - pelepasan cukai sehingga RM3,000
- **Majikan** - tolakan cukai terhadap caruman kepada SPS yang dibuat bagi pihak pekerja berkanun pada kadar 19 peratus daripada imbuhan pekerja untuk tempoh 10 tahun
- Pengecualian cukai juga diberikan atas pendapatan diterima daripada dana di bawah skim ini.